



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA
No. 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



ARAHAN DAN SYARAT PERMOHONAN PERKAHWINAN TANPA LESEN SECARA ATAS TALIAN

Sila pastikan anda membaca dan memahami syarat-syarat dan arahan di bawah sebelum mengemukakan permohonan ini.

Please make sure that you have read and understood the Instructions before proceeding with submission.

1. SYARAT-SYARAT AM

- a. Permohonan perkahwinan secara atas talian hanya bagi **PENDAFTARAN PERKAHWINAN TANPA LESEN** sahaja selaras dengan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 [Akta 164].
- b. Permohonan hanya dibuka kepada pasangan warganegara Malaysia yang beralamat di dalam MyKad seperti berikut sahaja dibenarkan.
 - i. Putrajaya
 - ii. Kuala Lumpur
 - iii. Shah Alam Selangor
 - iv. Seremban Negeri Sembilan
 - v. Ayer Keroh Melaka
 - vi. Johor Bahru, Johor
 - vii. Kuantan, Pahang
 - viii. Kota Bharu, Kelantan
 - ix. Kuala Terengganu, Terengganu
 - x. Kangar, Perlis
 - xi. George Town, Pulau Pinang
 - xii. Alor Setar, Kedah
 - xiii. Kota Kinabalu, Sabah
 - xiv. Kuching, Sarawak
- c. Permohonan ini adalah bagi upacara perkahwinan di pejabat seperti berikut:
 - i. Putrajaya
 - ii. Kuala Lumpur
 - iii. Shah Alam, Selangor
 - iv. Seremban Negeri, Sembilan
 - v. Ayer Keroh, Melaka
 - vi. Johor Bahru, Johor
 - vii. Kuantan, Pahang
 - viii. Kota Bharu, Kelantan
 - ix. Kuala Terengganu, Terengganu
 - x. Kangar, Perlis

- xi. George Town, Pulau Pinang
 - xii. Alor Setar, Kedah
 - xiii. Kota Kinabalu, Sabah
 - xiv. Kuching, Sarawak
- d. Tempoh sah perkahwinan adalah 6 bulan dari tarikh permohonan.
- e. Pemohon dan pasangan mestilah:
- i. Berusia 21 tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan;
 - ii. Bukan beragama Islam; dan
 - iii. Bukan terdiri dari seorang anggota Polis atau Tentera.

2. ARAHAN

- a. Pemohon dan pasangan hendaklah mempunyai akaun pengguna untuk menggunakan perkhidmatan ini. Hanya pemohon dibenarkan untuk mengemukakan permohonan.
- b. Pemohon dan pasangan hendaklah telah bersetuju secara bersama sebelum mengisi dan mengemukakan permohonan ini.
- c. Nama pemohon, nama pasangan, nama bapa pemohon dan nama bapa pasangan mestilah sama seperti dalam kad pengenalan (termasuk memasukkan A/L, A/P, @, Bin, Binti, dan lain-lain jika berkaitan).
- d. Maklumat E-mel dan No. Telefon hendaklah maklumat yang masih aktif kerana maklumat ini akan digunakan sebagai medium perhubungan untuk sebarang pemakluman dan pengesahan yang berkaitan.

3. PERKHIDMATAN PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN

3.1 Permohonan Pendaftaran dan Pilihan Tarikh Upacara Perkahwinan

- a. Permohonan akan diproses dalam tempoh sehari dari tarikh permohonan diterima.
- b. Pemohon dan pasangan dikehendaki memuatnaik gambar berukuran passport (format jpg/jpeg/png) iaitu bersamaan dengan saiz gambar yang mana tidak melebihi 7kb.
- c. Semua transaksi adalah melalui atas talian di mana pemohon boleh menyemak status permohonan dari masa ke semasa melalui sistem ini.
- d. Pemohon dan pasangan tidak perlu hadir ke JPN sehingga pada hari upacara yang dipersetujui atau sekiranya dikehendaki berbuat demikian.
- e. Pemohon dibenarkan untuk memilih tarikh upacara yang dibenarkan oleh sistem semasa permohonan (berdasarkan kepada kekosongan), namun tarikh upacara yang muktamad adalah setelah pengesahan dilakukan oleh pasangan.
- f. Untuk sebarang pertukaran tarikh sila hadir ke kaunter JPN dimana tempat pengupacaraan perkahwinan dipilih.

3.2 Pengesahan Maklumat Permohonan dan Siaran 21 Hari

- a. Pemohon dan pasangan yang berjaya melepasi tapisan akan dimaklumkan melalui e-mel masing-masing, pemohon dan pasangan dikehendaki untuk memberi pengesahan melalui sistem dalam tempoh 3 hari. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan permohonan terbatal.
- b. Notis akan dipamerkan selama 21 hari setelah kedua-dua pemohon dan pasangan memberi pengesahan permohonan.

- c. Pemohon hendaklah mencetak Surat Temujanji (JPN.KC35) sebaik permohonan diluluskan dan hendaklah dibawa pada hari upacara sepertimana tarikh yang ditetapkan.

3.3 Upacara Perkahwinan

- a. Pemohon, pasangan dan saksi hendaklah hadir ke tempat upacara perkahwinan dan perlu mematuhi syarat seperti yang telah dinyatakan di dalam JPN.KC35.
- b. Pemohon dan pasangan dikehendaki untuk menandatangani borang JPN.KC02 yang akan dicetak oleh JPN pada hari upacara.
- c. Pemohon dan pasangan dikehendaki membawa sekeping gambar berukuran passport berlatarbelakang biru atau putih pada hari upacara dan diserahkan kepada Pendaftar.
- d. Pemohon dan pasangan dikehendaki untuk membuat padanan biometric (imbasan cap jari) pada hari upacara.
- e. Daftar perkahwinan (JPN.KC05) akan dikeluarkan kepada pasangan setelah upacara perkahwinan dijalankan pada hari yang sama.